

Kupasan Historik Status Malaysia sebagai Negara Islam

Historical Criticism of Malaysia Status as Islamic State

WAN MOHD YUSOF WAN CHIK
MOHAMAD ZAIDIN MOHAMAD
MOHD SUFIAN MOKTAR
ABDUL KARIM ALI
AZIZAN BAHARUDDIN

ABSTRAK

Antara isu politik yang agak berpanjangan di Malaysia adalah isu keabsahan status Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Ia adalah suatu polemik yang berakar umbikan sejarah, kekinian dan masa hadapan. Pengisytiharan Malaysia sebagai sebuah negara Islam oleh Perdana Menteri keempat ternyata telah meredakan polemik ini tetapi tidak berjaya memadamkannya. Justeru objektif kajian ini adalah untuk menganalisis semula pengisytiharan ini secara strategi demi memberi impak yang positif pada masa mendatang. Kajian berbentuk kualitatif ini merujuk kepada bahan-bahan kepustakaan demi melakukan beberapa analisis mencakupi induktif, deduktif, historikal, mahupun komparatif. Kajian ini mendapati ada lima ciri negara Islam yang biasanya disebut dalam karya-karya fiqh kenegaraan Islam, iaitu keamanan, kepimpinan, penduduk, status asal sesebuah wilayah dan pelaksanaan undang-undang Islam. Polemik tentang status Malaysia sebagai negara Islam, kebiasaannya merujuk kepada penekanan pihak-pihak yang terlibat kepada ciri yang pertama dan kelima. Kajian juga melihat secara strateginya pengisytiharan tersebut yang bertunjangkan kepada keamanan dan kestabilan negara memberi impak yang positif dari sudut memberi ruang yang lebih kepada pelaksanaan Islam pada masa akan datang. Sungguhpun demikian, umat Islam perlu meneruskan penambahbaikan dari sudut pelaksanaannya dari masa ke semasa. Kajian ini amat bersetuju dengan status Malaysia sebagai sebuah negara Islam ataupun sekurang-kurangnya sebagai Dar al-Islam sebagaimana yang disebut oleh Wahbah al-Zuhaily.

Kata kunci: Negara Islam; Undang-undang Islam; ilmu maqasid; pilihanraya umum; masyarakat majmuk

ABSTRACT

Among the long-standing issues in Malaysia is the legitimacy issue regarding Malaysia's status as an Islamic country. It is a polemic that is deeply rooted in history, contemporarily and in the future. The declaration of Malaysia as an Islamic country by the fourth Prime Minister had alleviated this polemic but did not succeed in discarding it. Hence, the objective of this study was to re-analyse this declaration as a strategy that would impart a positive impact in the future. This qualitative study had referred to library materials that involved the inductive, deductive, historical and comparative analyses. This study found five characteristics of an Islamic country that are usually mentioned in fiqh literature concerning Islamic nationhood, namely peacefulness, leadership, population, original status of a territory and the implementation of Islamic law. The polemic concerning Malaysia's status as an Islamic country usually refers to the emphasises on the parties involved regarding the first and fifth characteristics. This study had also looked into the strategy of the declaration, which was based on peace and stability of a country that imparts a positive impact such as the allowance to implement Islam in the future. Nevertheless, Muslims need to carry on improving the implementation from time to time. This study agreed with the status of Malaysia as an Islamic country or at least as a Dar al-Islam, as mentioned by Wahbah al-Zuhaily.

Keywords: Islamic country; Islamic Law; maqasid knowledge; general elections; plural society

PENDAHULUAN

Politik dalam sesebuah negara menjurus kepada aspek pemerintahan, kepimpinan mahupun pengurusan terhadap komuniti. Dalam kerangka kajian fiqh klasik ia disebut *siyāsah*. Jika ia berlandaskan keadilan syarak, maka disebutkan sebagai *Siyāsah Shar'iyah*. Kepentingan urusan pemerintahan dalam syariat Islam

dapat difahami daripada ucapan Saidina 'Uthmān b. 'Affān (Ibn Kathir 1401H; al-Khayyei 1999):

إن الله ليزع بالسلطان ما لا يزع بالقرآن

Bermaksud: Allah menghalang dengan penguasaan sultan perkara yang tidak dapat dihalang oleh ayat Quran semata-mata.

Pada dasarnya, masalah politik atau pemerintahan termasuk dalam urusan duniawi yang boleh

dijitihadkan status hukumnya kerana al-Quran dan Sunnah hanya menggariskan panduan-panduan yang bersifat umum. Oleh itu, menjadi tugas cendekiawan Islam untuk berjihad dari sudut kefahaman dan pelaksanaan dalam bentuk sistem pemerintahan atau pengurusan pentadbiran negara. Inilah yang dilakukan oleh lima khalifah terunggul (al-Khulafa' al-Rashidin), sehingga mereka tetap berada dalam kerangka syariat Islam walaupun suasana dan struktur peralihan serta pemerintahan mereka mempunyai perbezaan.

Antara isu yang telah dan masih menjadi pro dan kontra dalam politik massa di Malaysia adalah isu adakah Malaysia sebuah negara Islam atau tidak? (Abdull Rahman 2009). Pada dasarnya, tidak kedapatan nas yang menunjukkan secara tersurat bahawa mendirikan negara Islam adalah wajib. Namun itulah yang difahami dan *diistinbāt* daripada nas-nas syarak, praktikal Rasulullah SAW dan para al-Khulafa' al-Rashidin. Kemestian mendirikan suatu pemerintahan untuk mengemudi masyarakat Islam adalah sesuatu yang telah disepakati oleh majoriti ulama Islam sama ada Ahli Sunnah wa al-Jamaah mahupun Syiah (al-Zuhaili 2002; al-Mawardi 1989). Ia berada dalam tuntutan fardu kifayah (al-Rays 1976). Secara ringkasnya, hujah tentang kewajipan mendirikan negara merujuk kepada:

1. Logik di sebalik kewajipan menunaikan arahan-arahan nas berbentuk fardu kifayah seperti pelaksanaan hukum hudud, berjihad dan menghidupkan syiar-syiar agama yang memerlukan aspek pentadbiran dan pengurusan supaya kewajipan-kewajipan ini berjalan dengan lancar. Kalau tidak, pelaksanaan aktiviti tersebut akan menimbulkan kekacauan dan persengketaan. Hal ini diperkuatkan lagi dengan perbuatan Rasulullah SAW dan para Sahabat r.a. (al-Zuhaili 2002; Khalaf t.th).
2. Penubuhan sebuah negara walaupun tidak tersurat dalam nas tetapi tersirat secara *istidlālī* sebagai mekanisme yang dituntut syarak. Ini meliputi perbincangan tentang *maṣāliḥ mursalah* dan *sadd al-dharā'ī* dalam ilmu Usul Fiqh, perbincangan tentang hubungan *wasā'il* dan *maqāṣid* dalam 'Ilm al-Maqāṣid dan juga kaedah '*mā lā yutimm al-wājib illa bihi fahuwa wājib*' (al-Khayyei 1999; Ibn Taymiyyah t.th) dalam ilmu Kaedah Fiqh. Bahkan ia disebut secara lebih jelas dalam karya-karya berkaitan *Siyāsah Shar'īyyah*.

Sebenarnya isu keperluan kepada menegakkan negara Islam pernah menjadi bahan perbincangan di Malaysia sejak sebelum merdeka lagi. Pertentangan

ini timbul antara golongan pro-Islam dan sekular. Namun ia seakan berakhir apabila Perdana Menteri Malaysia yang keempat ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam Persidangan Perwakilan Kebangsaan Parti Gerakan pada 29 September 2001 menegaskan bahawa Malaysia ialah sebuah negara Islam (Martinez 2005). Ia mendapat restu daripada semua parti komponen BN bukan Melayu, sama ada MCA, Gerakan, MIC, PPP, SUPP, SAPP mahupun PBS. Selepas itu, sasaran pertikaian khususnya di arena politik sudah tidak lagi tertumpu kepada isu perlu atau tidak perlunya negara Islam tetapi beralih arah kepada pendefinisian mahupun pencirian sebuah negara Islam dengan mengambil kira sama realiti masyarakat Malaysia.

DEFINISI DAN CIRI NEGARA ISLAM

Para ilmuwan dan negarawan mengemukakan definisi mahupun ciri-ciri yang pada pendapat mereka lebih tepat dan relevan dengan realiti Malaysia. Definisi mahupun ciri-ciri ini sebenarnya telah diambil daripada karya-karya ulama muktabar. Secara rumusannya ia boleh dirujuk kepada beberapa ciri utama, iaitu:

1. Umat Islam hidup di dalam sesuatu wilayah dalam keadaan aman (al-Kesene 1997; Ibn 'Óbiden 1386H).
2. Pemerintahan dipegang oleh orang Islam (al-Sarkhase 1971).
3. Penduduknya adalah umat Islam (Ibn Qayyim, t.th) serta menghormati hak-hak rakyat Non-Muslim.
4. Status asal sesebuah negara. Mana-mana negara yang pernah menjadi negara Islam, status itu tidak akan hilang menurut hukum fiqh sekalipun umat Islam dikalahkan oleh bukan Islam di negara itu.
5. Dilaksanakan di dalamnya perundangan Islam (al-Sarkhase 1324H).

Dalam konteks Malaysia, ciri yang kedua, ketiga dan keempat tampaknya tidak menjadi bahan pertikaian di kalangan masyarakat Islam. Namun ia mula dipertikaikan secara lebih terbuka selepas Pilihanraya Umum ke-12 pada tahun 2008. Tumpuan perdebatan antara parti politik dan juga ahli akademik lebih tertumpu pada memberatkan ciri pertama dan kelima sebagai kerangka asas yang menentukan status Islam atau tidak negara Malaysia. Kedua-dua ciri tersebut sememangnya memberi impak yang besar dalam penentuan status Islam atau tidak sesebuah negara. Ini sejajar dengan penekanan yang pernah

dikemukakan oleh Abū Zahrah (1965). Pihak yang mempertahankan hujah bahawa Malaysia sebuah negara Islam adalah berasaskan kepada ciri keamanan yang dinikmati masyarakat Islam di samping tertegaknya syiar-syiar Islam di negara ini. Manakala yang menentang pula melihat kepada aspek pelaksanaan syariat secara menyeluruh, khususnya undang-undang jenayah.

Pendapat pertama kelihatan agak bertoleransi dengan keadaan yang ada dengan mengambil kira realiti kemajoritarian umat Islam di Malaysia yang agak kecil, keharmonian masyarakat majmuk, kelemahan bangsa Melayu dari sudut kualiti sosioekonomi dan status asal Tanah Melayu yang dikuasai oleh umat Islam. Pendapat kedua pula melihat kepada pentingnya pelaksanaan syariat Islam secara menyeluruh kerana tuntutan itu terkandung dalam nas-nas al-Quran dan Sunnah. Ini sesuai dengan penegasan yang dibuat oleh Imam al-Sarkhasī semata-mata penaklukan (*al-fath*) sahaja tidak menukar status sesebuah wilayah kepada negara Islam, selagi mana hukum-hukum Islam tidak dilaksanakan (al-Sarkhase 1324H). Gambaran pelaksanaan syariat Islam ini, mungkin dapat difahami melalui apa yang dikemukakan oleh al-Zuhaily (2002), iaitu:

1. Akur dan patuh pada prinsip tauhid.
2. Komited dengan hukum-hukum yang sedia diketahui dalam agama.
3. Pelaksanaan undang-undang yang jelas terkandung dalam al-Quran.
4. Menghormati prinsip-prinsip Islam berkait dengan politik, hak orang awam dan ekonomi.

PERBAHASAN

Namun dalam konteks penggunaan kaedah-kaedah hukum Islam secara bersepadu, pencirian di atas perlu diberikan dimensi yang baru yang lebih harmoni. Oleh itu perbincangan perlulah dimulakan dengan memperakui tiga asas:

1. Pendefinisian dan pencirian Negara Islam adalah suatu yang berbentuk *ijtihadī*.
2. Pemberatan ulama kepada sesuatu ciri definisi – pada pendapat penulis – sebenarnya dipengaruhi oleh keperluan sezaman dan setempat (Abdul Hadi 2003).
3. Tiada sebarang pertentangan antara kelima-lima ciri tersebut. Bahkan ia saling menyempurnakan antara satu sama lain. Ini kerana kelima-lima ciri tersebut adalah petanda fizikal kepada status Islam atau tidaknya sesebuah negara.

Pada zaman moden ini, pencirian Negara Islam dengan empat ciri yang terawal secara positifnya memberi ruang untuk kita terus mengkategorikan sebahagian besar wilayah yang didiami umat Islam sebagai Negara Islam. Justeru itu, Malaysia layak diiktiraf sebagai Negara Umat Islam, Wilayah Islam (*Dār al-Islam*) atau Negara Islam dari sudut hukumnya bukan secara hakiki (al-Ramli 1992). Dalam bahasa mudah, ia boleh sahaja disebut sebagai Negara Islam. Ciri-ciri inilah yang diambil kira dalam keanggotaan Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC). Dari sudut ini, mensyaratkan ciri yang kelima akan memberi impak bahawa sebahagian besar wilayah yang diduduki umat Islam tidak berstatus Negara Islam. Perkara tentu ini akan merugikan ummah.

Perkiraan di atas tidak bermakna ciri kelima boleh diabaikan terus daripada isu ini. Sebaliknya, ia perlu diberi lebih tumpuan kerana pelaksanaan Syariat Islam adalah penggerak utama yang sewajarnya mendominasi aktiviti dalaman serta luaran sesebuah Negara Islam. Tidak keterlaluan untuk mengatakan, bahawa status negara Islam hanyalah suatu mekanisme yang diwujudkan dengan matlamat untuk merealisasikan pelaksanaan Syariat Islam. Hal ini sesuai sekali dengan apa yang ditegaskan dalam kaedah Fiqh: 'العبرة بالمسمى لا بالاسم' bermaksud: yang diambil kira dalam sesuatu perkara adalah isi kandungannya bukan namanya sahaja (Sharaf. Oleh itu, pelaksanaan Sistem Pemerintahan Islam, dari sudut perundangan, peraturan, pertahanan serta pentadbiran adalah suatu kewajipan agama dalam meraih dan membangun kemaslahatan ummah (Khallef, t.th). Malangnya, hingga kini sebahagian besar dunia Islam terus mengabaikannya dan ada yang berada pada tahap mengingkarinya.

Merujuk kepada Malaysia secara khusus, perselisihan tentang definisi dan ciri-ciri Negara Islam menimbulkan polemik dan keresahan di kalangan umat Islam. Permasalahan amat penting kerana ia bukan sekadar melibatkan status negara dalam perkiraan semasa tetapi juga melibatkan isu kesinambungan ummat pada masa depan. Isu ini pernah dibincangkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan pada 3 dan 4 haribulan Februari tahun 1986. Namun ia tidak memberikan impak yang berkesan dalam meleraikan pertelingkahan yang berlaku. Isu ini dibincangkan sekali lagi dalam Muzakarah Daulah Islamiah yang diadakan pada 2 Ogos 2001. Dalam muzakarah tersebut para cendekiawan Islam diberitakan telah bersetuju menegaskan bahawa Malaysia adalah Negara Islam (Ahmad Fauzi 2003).

Ternyata pengisytiharan yang menegaskan Malaysia adalah negara Islam yang dibuat pada September tahun tersebut oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada waktu itu, banyak merujuk kepada muzakarah tersebut (Ahmad Fauzi 2009). Perbincangan selepas itu – kalau pun ada – adalah agak tidak serius dalam kalangan ahli politik dan ahli akademik. Diikuti dengan pelaksanaan beberapa dasar seperti penerapan nilai-nilai Islam dan Islam Hadhari. Jadi, isu yang sebegitu besar ini masih perlu diberi perhatian. Hal ini memerlukan sifat pro-aktif para ilmuwan dan pimpinan ummah untuk melihatnya secara realistik, idealistik, holistik dan strategik. Di samping itu, isu ini hendaklah dilihat dari pelbagai sudut seperti kesedaran masyarakat, halangan politik dan perlembagaan, halangan intelektual, masyarakat majmuk (Mahmood 1988), kekangan globalisasi dan sebagainya.

Masalah kesedaran masyarakat awam sebagai contohnya, memerlukan para ulama dan pencinta Islam lebih tuntas berinteraksi dengan realiti masyarakat. Mereka tidak seharusnya membuat sebarang tanggapan terhadap penolakan atau penerimaan negara Islam dalam masyarakat tanpa melakukan penyelidikan yang serius (Zulkifli 2008). Penolakan Undang-undang Jenayah Islam sebagai contohnya tidak semestinya bererti menolak ketetapan Allah SWT tetapi mungkin kerana kejahilan ataupun kesangsian terhadap kemampuan, cara dan mekanisme perlaksanaannya. Begitu juga kondisi masyarakat majmuk walaupun bukan halangan utama, tapi jangan dipermudahkan agar tidak tercurah air dari tempayan kerana mengharap hujan yang belum tentu datang. Dalam masa yang sama, kekangan globalisasi yang menyaksikan hemogeni kuasa-kuasa besar terhadap wilayah dunia turut perlu diambil perhatian. Ini kerana walaupun Malaysia dikira beruntung dengan peruntukan undang-undang yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi, tetapi tekanan globalisasi apabila tidak ditangani secara bijaksana boleh mengakibatkan terhakisnya undang-undang itu (Ugi 2007). Elemen-elemen di atas memerlukan para cendekiawan Islam melihat kepada realiti (*fiqh al-wāqī*) dengan memahami realiti negara dari sudut sejarah, kekinian dan masa hadapan. Paling penting dalam konteks Malaysia ialah cendekiawan khususnya para mufti, sarjana Islam dan pakar perundangan harus ikhlas duduk semeja mengeluarkan saranan-saranan yang perlu digagaskan oleh ahli politik dan bukan sebaliknya.

Antara aspek terpenting dan berkait secara langsung dengan ciri yang kelima adalah isu perlembagaan dan perundangan. Dari sudut sejarah, Malaysia adalah sebuah wilayah yang pernah

diperintah secara Islam (A. Ibrahim & Ahilemah 1995). Ia juga pernah terjajah selama lebih 400 tahun. Lantaran itu, pengaruh penjajah terutamanya British agak kuat. Perlembagaan Malaysia pula sememangnya dibentuk untuk mengekalkan Malaysia sebagai sebuah negara sekular (Hashim 1980). Namun, ia bukanlah titik noktah yang menutup terus ruang ke arah mempertegaskan bahawa Malaysia adalah negara Islam. Ini kerana ada beberapa peruntukan dalam perlembagaan yang membuka ruang ke arah merealisasikan pelaksanaan undang-undang Islam (A. Aziz 2005). Perlembagaan tersebut walaupun tidaklah dikatakan Islam, tetapi perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan cukup jelas menyebut bahawa 'Islam adalah agama persekutuan.' Tan Sri Yeop Hashim Yeop Sani (A. Aziz & Farid 2004) pernah menegaskan bahawa:

Perlembagaan itu sangat jelas dan tidak boleh diputar belit lagi bahawa agama negara ialah Islam, maka mana-mana tafsiran yang mewujudkan percanggahan di antara dokumen ciptaan manusia (perlembagaan) dengan perintah Allah (Al-Quran dan Sunnah) tidak boleh dipakai.

Perlembagaan yang ada sekarang, sebenarnya masih memberikan ruang yang luas kepada pelaksanaan Islam. Beberapa peruntukan mengenai Islam seperti yang terkandung di bawah Perkara 3, 11, 12(2) DAN 150 (6A) perlu diteliti. Ia tidaklah rigid dan beku. Ini kerana mana-mana perlembagaan pun mempunyai mekanisme penyesuaian. Apatah lagi perlembagaan tidak menyebut bahawa undang-undang syariah tidak boleh dilaksanakan (A. Aziz 2005). Penyataan positif di atas bukan bermakna menafikan adanya beberapa peruntukan yang seolah menafikan status Islam pada negara ini. Contohnya (A. Bakar 1986) Perkara 4(1) jelas menyebut:

Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang lain yang diluluskan selepas hari merdeka dan yang berlawanan dengan perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu.

Kondisi seperti ini memerlukan para sarjana Islam bertindak lebih berani untuk memberikan dimensi baru terhadap definisi dan konsep bernegara dalam Islam (al-Qaradāwī 2005). Sebagai contoh apa yang pernah dikemukakan oleh Prof. Ahmad Mohamed Ibrahim (1997):

Kita tidak seharusnya terikat sedemikian (merujuk kepada undang-undang British), dan harus bebas mencari panduan daripada undang-undang lain, khasnya daripada undang-undang Islam. Yang kedua hendaklah diadakan suatu perkara dalam Pelembagaan Malaysia yang berbunyi: Mana-mana undang-undang yang bertentangan dengan Undang-undang Islam hendaklah terbatal dan dianggap tidak sah setakat mana yang bertentangan itu.

Saranan beliau ini melibatkan pindaan perlembagaan. Pendekatan ini amat efektif tetapi sukar dilakukan. Apatah lagi dengan kewujudan segolongan pengamal undang-undang sama ada hakim mahupun peguam yang tidak berminat dan meyakini kemampuan perundangan Islam. Sekaligus, ini akan memperkuat pentafsiran yang agak pesimis terhadap kemampuan Islam untuk dipernegarakan. Justeru, pindaan hanya boleh berlaku dengan dukungan dan sokongan kuat daripada rakyat yang berkeinginan merealisasikan kewujudan satu kerajaan yang kuat.

Di samping perlembagaan, isu negara Islam dalam konteks Malaysia perlu juga dilihat secara positif dari sudut pelaksanaan perundangan Islam dalam beberapa bidang yang lain. Contohnya, pelaksanaan Undang-undang Kekeluargaan Islam yang boleh dikatakan berjalan agak baik walaupun terdapat beberapa kes yang menimbulkan konflik perundangan dengan undang-undang sivil. Begitu juga dengan perkembangan pesat yang berlaku dalam sektor perbankan dan kewangan Islam yang diiringi dengan beberapa peruntukan perundangan yang memperkukuhkan operasi perlaksanaannya seperti Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Akta Takaful 1984. Ini semua menggambarkan wujudnya ruang yang positif dan luas untuk mengimplementasi perundangan Islam di Malaysia dalam pelbagai bidang.

Dalam sistem demokrasi, akar umbi kepada isu perlembagaan dan perundangan adalah persoalan undi yang melibatkan soal kecenderungan hati manusia secara kolektif. Justeru, untuk menghukum Islam atau tidak sesebuah negara adalah tidak semudah meletakkan status Islam atau tidaknya seseorang individu kerana ia melibatkan komuniti dan sistem. Maka isu negara Islam, terutamanya pada zaman ini lebih mendasari persoalan dakwah dan suasana. Setidak-tidaknya, kata-kata “kita pendakwah bukan penghukum” boleh dijadikan prinsip yang berkesan dalam menangani isu ini.

Dalam keghairahan meletakkan status negara Islam, adalah perlu disedari bahawa dari sudut demografinya, Malaysia tidak hanya dihuni oleh umat Islam. Bahkan, ia turut dihuni oleh pelbagai bangsa, agama dan etnik, tetapi sehingga kini majoritinya adalah bumiputera Muslim. Dari sudut politiknya ia adalah sebuah negara yang diperintah oleh umat Islam. Ia juga dikategorikan sebagai sebuah negara yang selamat dan aman-damai. Gugatan hanya berlaku dalam peristiwa 13 Mei 1969, peristiwa Kampung Medan pada tahun 2001 dan beberapa peristiwa kecil lain. Namun selepas pilihanraya 2008, senario ini sedikit berubah apabila Barisan Nasional

yang selama setengah abad menguasai dua pertiga daripada jumlah kerusi yang dipertandingkan gagal untuk mengulanginya.

Penglibatan para ulama secara serius dan berterusan dalam isu pencirian dan pendefinisian negara Islam sememangnya diharapkan akan memberi impak yang lebih positif dalam merealisasikan pelaksanaan undang-undang Islam. Sekaligus ini bakal mengukuhkan lagi ketuanan ummat Islam. Fatwa dan ijtihad yang dikemukakan seharusnya berwibawa, realistik, strategik serta logik. Di samping itu, ia perlu disusuli dengan penjelasan-penjelasan yang rasional demi menutup ruang polemik yang merugikan institusi fatwa dan ijtihad sekaligus Islam sendiri. Secara tidak langsung, ini akan membuka ruang perbincangan yang segar dan tidak dilihat sekadar sebuah polemik biasa tetapi dalam masa yang sama bersifat strategik serta membawa impak yang lebih positif. Hal-hal sebegini memang diperlukan dalam aplikasi ijtihad Kaedah Hukum Islam secara bersepadu.

Justeru isu, Islam atau tidaknya negara ini sesuatu yang amat relatif. Ada pro dan kontranya berdasarkan apa yang telah dijelaskan dalam modul ijtihad bersepadu Kaedah Hukum Islam. Menerima bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam adalah sesuatu yang realistik merujuk kepada empat daripada ciri-ciri yang pada masa sama boleh dianggap sebagai petanda aras negara Islam. Sekaligus ini membuka ruang untuk ciri kelima dicapai dengan merancang dan melaksanakan polisi-polisi yang mesra Islam. Ini mungkin bertepatan dengan konsep ijtihad *tanzīlī taqrīrī*. Namun selesa dan berpuas hati dengan status negara Islam yang ada berdasarkan empat ciri yang ada, adalah tidak tepat. Ini kerana status ini hanya bersifat *rukhsah* yang mengambil kira realiti yang ada. *Rukhsah* seharusnya bersifat sementara. Jika dibiarkan berpanjangan, tanpa usaha untuk menyempurnakan ciri seterusnya, maka pendapat yang menyatakan Malaysia adalah negara Islam bukan lagi bersifat *taqrīrī* tetapi *tabrīrī* yang fungsinya sekadar mengiyakan realiti tanpa merujuk kepada idealisme syariat Islam yang secara dasarnya diturunkan untuk memandu ummah. Ijtihad dan fatwa sebegini tentunya akan menghakis ruang dan peluang yang diberikan oleh perlembagaan untuk merealisasikan pelaksanaan syariat Islam sepenuhnya.

Menolak hakikat bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam juga adalah tidak realistik berdasarkan kewujudan empat ciri yang pertama yang jelas berpihak kepada Islam. Ia juga tindakan yang tidak strategik kerana akan menutup atau menyempitkan ruang-ruang yang masih ada untuk

mengukuhkan pelaksanaan undang-undang Islam. Ini juga seolah memberikan kemenangan percuma kepada segolongan non-Muslim mahupun Muslim berfahaman sekular yang menolak negara Islam secara konsep dan pelaksanaannya. Hal ini juga bertentangan dengan prinsip *‘tibār al-ma’āl* yang menjadi salah satu aspek penting dalam ijtihad *tanzīlī*. Dalam konteks ini, secara akademiknya pendapat yang dikemukakan oleh tokoh Maal Hijrah tahun 1430H Dr. Wahbah al-Zuhaylī nampak lebih sesuai. Malaysia seperti kebanyakan negara Islam adalah tanah air Islam (*Dār al-Islām*) tetapi belum mencapai negara Islam (*Dawlah Islāmiyyah*) (al-Zuhaily 2002; al-Qaradawi 2005):

Adalah memadai untuk merealisasikan definisi ‘Dār al-Islām’ dan membezakannya dari ‘Dār al-Ḥarb’ apabila syiar-syiar Islam dapat ditegakkan sehingga tersebar dan bolehlah dipraktikkan – secara bebas – seperti mendirikan solat Jumaat, solat berjamaah, meraikan perayaan-perayaan, dan meninggikan azan. Manakala untuk mencapai tahap yang dikatakan ketuanan mutlak kepada Allah atau kemutlakan kuasa perundangan kepada Allah mestilah wujud pelaksanaan syariat-Nya, mentaati titah-Nya, menjauhi tegahan-Nya, komited dengan hukum-hukum yang terkandung dalam al-Quran mahupun Sunnah...”

Pendapat ini walaupun berlainan cara pengungkapannya tetapi mempunyai makna yang hampir sama dengan apa yang disebut oleh A. Aziz (2001) sebagai:

“...Walaupun Malaysia tidak boleh dikatakan negara Islam dalam erti kata sebenarnya, ini tidak bermakna Malaysia adalah negara sekular. Mungkin lebih tepat jika dikatakan bahawa Malaysia bukan negara Islam tetapi dalam masa yang sama bukan juga negara sekular dalam erti kata sebenar...”

Begitupun pendapat yang mengatakan Malaysia bukan negara Islam juga wajar dan selaras dengan konsep ijtihad *tanzīlī taqwīmī* dengan mengakui “keberadaan” Islam dalam perlembagaan, perundangan mahupun realiti kehidupan Malaysia. Dalam masa yang sama, hendaklah berpijak pada realiti bahawa masih banyak skop dalam syariat Islam yang belum dilaksanakan. Setakat ini, undang-undang Islam hanya terpakai dalam bidang undang-undang kekeluargaan di samping perkembangan-perkembangan yang menarik melibatkan penggubalan akta-akta dalam bidang kewangan dan perbankan Islam. Dari sudut undang-undang jenayah, didapati hanya negeri Kelantan dan Terengganu yang telah mewartakannya walaupun belum dapat direalisasikan pelaksanaannya. Dari sudut undang-undang tubuh, setakat ini hanya negeri Terengganu yang jelas memaktubkan bahawa ia adalah Negara Islam sebagaimana yang disebut dalam undang-undang tubuh Kerajaan Negeri Terengganu pada fasal yang ke-51:

“...Sesungguhnya telah disifatkan dan disebutkan dan ditetapkan selama-lamanya Kerajaan Terengganu ini Kerajaan Islamiyyah ‘Malāyuwīyyah’ ialah yang dikatakan ugama negeri dan kerajaan, maka tiadalah boleh sekali-kali agama lain dijadi atau disebut ugama negeri, sekalipun banyak bangsa dan agama diamankan dan dibenarkan masuk diam di dalam negeri dan jajahan Terengganu...”

Sebagaimana yang ditegaskan sebelum ini dalam membincangkan *ta’līl al-aḥkām* bahawa hukum dan petandanya bukanlah segala-galanya dalam ijtihad bersepadu Kaedah Hukum Islam. Tercapainya nilai hukum perlu diberi perhatian sama. Kewujudan kelima-lima ciri bukanlah pertimbangan terawal dan terakhir dalam meletakkan status Islam atau tidak sesebuah negara. Hukum bukanlah segala-galanya dalam syariat Islam dan negara yang dianjurkannya. Hukum walaupun satu tanda ketundukan pada Allah, hanyalah sekadar satu instrumen yang disyariatkan untuk mencapai mencapai objektif dan nilai di sebalik hukum. Seharusnya negara Islam adalah negara yang mana sekitaran beragama (*al-wāzi’ al-dīnī*) dapat dibentuk. Nilai-nilai tinggi seperti kebebasan, keadilan, perpaduan, persaudaraan, ketaatan, keluhuran dan sebagainya dapat dipupuk dengan teratur. Masyarakatnya condong kepada budaya makruf dan bencikan budaya mungkar. Sebarang kebejatan sosial seperti jenayah, rasuah, politik wang, budaya berhibur secara melulu dan sebagainya diminimalkan. Di sinilah elemen pemeliharaan *al-Maqāsīd al-Khamsah* dan objektif-objektif lain turut diambilkira sebagai elemen pemantau adakah Malaysia mencapai status negara Islam atau tidak. Sebagai contoh nilai-nilai peradaban tinggi dalam bidang muamalat dan ekonomi perlu direalisasikan. Institusi perbankan contohnya, tidak hanya mengukur keuntungan berdasarkan laba ringgit yang dipungut, tetapi turut mengambil kira aspek tanggungjawab sosial dan kemanusiaan.

Sebagai satu sampel muhasabah, hal ini boleh dirujuk kepada masalah keruntuhan akhlak yang boleh menggambarkan kualiti sosial bangsa Melayu-Muslim. Keterlibatan dalam jenayah dan masalah sosial contohnya masih terlalu tinggi. Sebagai contoh masalah dadah yang pada hemat penulis mengugat kelima-lima objektif utama perundangan Islam. Berdasarkan perangkaan yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan pada tahun 2016 daripada sejumlah 30,884 penagih dadah, 24,901 orang daripadanya adalah orang Melayu. Ini bermakna 80.73% penagih dadah adalah berbangsa Melayu. Begitu pun, isu dadah ini dilihat masih kurang mendapat perhatian yang sewajarnya daripada masyarakat Islam.

JUMLAH PENAGIH YANG DIKESAN MENGIKUT ETNIK, 2012-2016							
TAHUN	MELAYU	CINA	INDIA	PRIBUMI		LAIN-LAIN	JUMLAH
				SABAH	SARAWAK		
2012	11,612	1,658	1,419	253	58	101	15,101
	76.90%	10.97%	9.40%	1.68%	0.38%	0.67%	100%
2013	16,092	2,081	1,975	467	137	135	20,887
	77.04%	9.96%	9.46%	2.24%	0.66%	0.64%	100%
2014	17,122	1,828	1,657	842	180	148	21,777
	78.62%	8.39%	7.61%	3.87%	0.83%	0.68%	100%
2015	21,335	2,117	2,113	774	148	181	26,668
	80.00%	7.94%	7.92%	2.90%	0.55%	0.69%	100%
2016	24,901	2,182	2,428	977	154	202	30,844
	80.73%	7.07%	7.87%	3.17%	0.50%	0.66%	100%

RAJAH 1. Statistik penagih dadah berdasarkan bangsa tahun 2012-2016

Sumber: Agensi Antidadah Kebangsaan (2016)

Perbincangan tentang definisi dan ciri-ciri negara Islam di atas adalah tidak mencukupi. Ia perlu diperpanjangkan lagi dengan perhatian yang lebih menyeluruh. Dari kerangka ijthid *istinbāḥī* hinggalah ijthid *tanzīlī* sambil meraikan semua disiplin dalam Kaedah Hukum Islam. Pencirian secara fizikal dalam kerangka yang disebut penulis sebagai petanda hukum seharusnya beriringan dengan pembangunan nilai hukum itu sendiri. Perlaksanaan undang-undang, implementasi berstrategi kepada polisi dan penguatkuasaan fatwa serta ijthid tentunya mampu meneguhkan lagi legitasi negara Islam sama ada secara kuasa pemerintahan, perundangan mahupun perlembagaan. Kesemua perkara ini, dalam konteks negara demokrasi juga melibatkan persoalan undi dan pilihanraya. Persoalan sebegini sudah pasti tidak dapat lari daripada masalah sistem pendidikan, media dan penyampaian maklumat yang menyeluruh.

KESIMPULAN

Dinilai daripada ijthid Kaedah Hukum Islam secara bersepadu, Malaysia pada dasarnya adalah berstatus sebuah negara Islam yang disebut sebagai *Dār al-Islam*. Namun untuk meletakkannya pada status negara Islam yang sempurna (*Dawlah Islamiyah*) yang berteraskan konsep 'ketuanan syarak' (السيادة للشرع) adalah kurang tepat tetapi masih boleh diusahakan (al-Khayyei 1999; Abu Faris 1984; Musa 1997). Usaha-usaha ini, seharusnya diurus dan dirancang berdasarkan ijthid mahupun fatwa yang lebih semasa dan holistik. Suatu yang agak istimewa, isu ini telah ditangani oleh pelbagai pihak

dengan mengambil kira ketiga-tiga sudut pandang dalam ijthid *tanzīlī*. Dari satu sudut, ijthid seolah dijadikan instrumen logik untuk mengiyakan realiti kemunduran yang wujud dalam pelbagai lapangan kehidupan dengan mengadakan pelbagai alasan untuk tidak cuba membaikinya. Dari sudut yang lain, ijthid bersifat terlalu ideal tanpa berpijak pada realiti kemunduran peradaban ummah yang tidak memungkinkan kehendak syarak tercapai dalam masa sehari. Kegagalan mengimbangi antara realiti ummah dan idealisme syarak ini tentunya akan membawa polemik yang berpanjangan antara pelbagai aliran dan tidak mustahil akan merugikan ummah. Justeru sudut pandang yang lengkap-melengkapi ini harus dihargai dan untuk menggerakkan isu ini ke tahap yang lebih positif.

RUJUKAN

- Aziz Bari dan Farid Duffian Shuaib. 2004. *Constitution of Malaysia: Text and Commentary*. Selangor: Prentice Hall.
- A. Aziz Bari. 2001. *Perlembagaan Malaysia: Asas-asas dan Pertimbangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Aziz Bari. 2005. *Islam dan Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.
- A. Bakar Abdullah. 1986. *Ke Arah Perlaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia: Masalah dan Penyelesaiannya*. Kuala Terengganu: Pustaka Damai.
- Abdul Hadi Awang. 2003. *Sistem Pemerintahan Negara Islam*. Kuala Terengganu: Penerbitan Yayasan Islam Terengganu.

- Abdull Rahman Mahmood, Kamaruddin Salleh, Ahmad Sunawari Long dan Faudzinain Badaruddin. 2009. Penerimaan Bukan Islam terhadap proses Islamisasi di Malaysia. *Jurnal Hadhari* 2: 33-51.
- Abū Fāris, Muḥammad ‘Abd al-Qādir. 1984. *Al-Niẓām al-Siyāsī fī al-Islām*. Bayrūt: Dār al-Qur’ān al-Karīm.
- Abū Zahrah, Muḥammad. 1965. *Tanzīm al-Islām li al-Mujtama’*. Al-Qāhirah: Dār al-Fikr al-‘Arabī.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. 2003. The taqwa versus quwwah dictonomy: an islamic critique of development via the Malaysian Bumiputera policy. *Kajian Malaysia. Kajian Malaysia*. XXI (1&2): 123-162.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. 2009. *The Implementation of Islamic Law in Contemporary Malaysia: Prospects and Problems*. Singapore: RSIS.
- Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned. 1995. *The Malay Legal System*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Mohamed Ibrahim. 1997. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Anon. 2016. *Maklumat Dadah 2016*. Kementerian Dalam Negeri: Agensi Antidadah Kebangsaan.
- Hashim Yeop A. Sani. 1980. *Perlembagaan Kita*. Kuala Lumpur: Malaysia Law Publisher.
- Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amīn. 1386H. *Hāshiyat Radd al-Muhtār ‘alā al-Durr al-Mukhtār*. Jil. 4. Miṣr: Maṭba‘ah Mustafā al-Ḥalabī wa Awlāduhu.
- Ibn Kathīr, Ismā‘īl bin ‘Umar. 1401H. *Tafsir al-Qur’ān al-‘Azīm*. Jil. 3. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Ibn Qayyim, Shams al-Dīn Abū ‘Abd Allah Muḥammad. t.th. *Aḥkām Ahl al-Dhimmah*. Jil. 1. Suriya: Maṭba‘ah Jāmi‘ah Dimashq.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad bin ‘Abd al-Ḥalīm. t.th. *Al-Siyāsah al-Shar‘iyyah fī Islāh al-Rā‘ī wa al-Ra‘iyyah*. Iskandariyyah: Dār al-Īmān.
- Al-Kāsānī, ‘Alā’ al-Dīn Abū Bakr bin Mas‘ūd. 1997. *Badā‘i’ al-Qanā‘i’ fī Tartīb al-Sharā‘i’*. Jil. 9. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Khallāf, ‘Abd al-Wahhāb. 1350H. *Al-Siyāsah al-Shar‘iyyah aw Niẓām al-Dawlah al-Islāmiyyah*. Al-Qāhirah: al-Maṭba‘ah al-Salafiyyah.
- Al-Khayyāi, ‘Abd al-‘Azīz ‘Izzat. 1999. *Al-Niẓām al-Siyāsī fī al-Islām*. Al-Qāhirah: Dār al-Salām.
- Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid. 1988. *Ke Arah Merealisasikan Undang-undang Islam di Malaysia*. Malaysia: Thinker’s Libery.
- Martinez, P. A. 2005. Is it always Islam versus civil society in *Islam in Southeast Asia: Political, Social and Strategic Challenges for the 21st Century*, disunting oleh K.S. Nathan & Mohd Hashim Kamali. Kuala Lumpur: Institute of Southeast Asian Studies.
- Al-Māwardī, ‘Alī Muḥammad. 1989. *Al-Siyāsah al-Shar‘iyyah wa al-Wilāyāt al-Dīniyyah*. Kuwait: Maktabah Dār Ibn Qutaybah.
- Mūsā Ibrāhīm. 1997. *Thaqāfat al-Muslim: Bayn al-Aṣḥāl wa al-Taḥaddiyyāt*. ‘Ammān: Dār al-‘Ammār.
- Al-Qaradāwī. 2005. *Min Fiqh al-Dawlah*. Bayrūt: Dār al-Shurūq.
- Al-Ramlī, Shams al-Dīn Muḥammad. 1992. *Nihāyat al-Muhtāj il Sharḥ al-Minhāj*. Jil. 5. Lubnān: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Al-Rays, Muḥammad Ḍiyā’ al-Din. 1976. *Al-Nazarīyyāt al-Siyāsah al-Islāmiyyah*. Al-Qāhirah: Maktabah Dār al-Turāth.
- Al-Sarkhasī, Abū Bakr Muhammad. 1324H. *Kitāb al-Mabsūt*. Jil. 10. Miṣr: Dār al-Sa‘ādah.
- Al-Sarkhasī, Abū Bakr Muḥammad. 1971. *Sharḥ Kitāb al-Siyār al-Kabīr li Muḥammad bin al-Ḥasan al-Shaybānī*. Jil. 3. Miṣr: Maṭba‘ah Sharikat al-I‘lānāt al-Sharqiyyah.
- Sharaf al-Quḍāh. 2002. *Al-Ḥijāb fī al-Sunnah*. Kertas kerja Usbū’ al-Ḥijāb Manhaj wa Ḥayah di Madāris al-Furqān, ‘Ammān, Urdun.
- Ugi Suhartio. 2007. *Pemikiran Islam Liberal: Pembahasan Isu-isu Sentral*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Al-Zuhaili, Wahbah. 2002. *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. Jil. 8. Dimashq: Dār al-Fikr.
- Zulkifli Mohd, Syed Mohd Azmi Syed Ab. Rahman, Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali dan Mohd Ali Mohd Yusof. 2008. Pandangan masyarakat Islam Terengganu terhadap Enakmen Kesalahan Jenayah Syariat (Hudud dan Qisas) Terengganu 2002. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 1: 115-123.
- Mohamad Zaidin Mohamad, PhD
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
Kampus Gong Badak Terengganu Darul Iman
mzaidin2012@gmail.com
- Wan Mohd Yusof Wan Chik
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
Kampus Gong Badak Terengganu Darul Iman
mohdyusof@unisza.edu.my
- Mohd Sufian Moktar
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
Kampus Gong Badak Terengganu Darul Iman
akhisufian@yahoo.com
- Abdul Karim Ali
Jabatan Fiqh dan Usul
Akademik Pengajian Islam
Universiti Malaya (UM)
abdkarim@um.edu.my
- Azizan Baharuddin
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
Azizanb@ikim.gov.my